



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Norsaliza Mohd Shuhaini & Shahril Ismail. (2025). Ketahanan ekonomi Masyarakat luar bandar dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*: Analisis sastra dan sosioekonomi pascamerdeka. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 4(1), 297-319. <https://doi.org/10.32890/rentas2025.4.1.12>

KETAHANAN EKONOMI MASYARAKAT LUAR BANDAR DALAM NOVEL RANJAU SEPANJANG JALAN: ANALISIS SASTERA DAN SOSIOEKONOMI PASCAMERDEKA

*(Economic resilience of rural communities in Ranjau Sepanjang Jalan:
A literary and socioeconomic analysis of the post-independence era)*

¹Norsaliza Mohd Shuhaini & ²Shahril Ismail

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

²Corresponding author: shahril.ismail@fbk.edu.my

Received: 10/11/2024 Revised: 1/5/2025 Accepted: 11/6/2025 Published: 31/7/2025

ABSTRAK

Kajian ini meneliti cabaran sosioekonomi masyarakat luar bandar melalui analisis novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad. Ketahanan ekonomi merujuk kepada kemampuan masyarakat menyesuaikan diri dan bertahan dalam menghadapi cabaran ekonomi adalah tema penting dalam sastra pascamerdeka yang menggambarkan perjuangan masyarakat luar bandar yang dihimpit situasi sosioekonomi yang mencabar. Kajian ini meneliti kekangan sosioekonomi yang menyebabkan kemiskinan dan ketidakseimbangan peluang di kawasan luar bandar yang masih wujud dalam masyarakat Malaysia kini melalui penggunaan Teori Kemiskinan Struktural oleh William (1987). Selain itu, Pendekatan Pengurusan oleh Mohammad Mokhtar Abu Hassan (2013) turut digunakan bagi merangka strategi penyelesaian terhadap isu dengan memberi tumpuan kepada

pengurusan sumber dan pembangunan komuniti secara mampan. Berdasarkan analisis bandingan dengan data sosioekonomi terkini, kajian menyumbang kepada penemuan bahawa *Ranjau Sepanjang Jalan* kekal relevan dalam konteks kemiskinan luar bandar Malaysia hari ini sepertimana komuniti marginal memanfaatkan sumber terhad dalam menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi. Penemuan ini turut mencerminkan naratif sastra sebagai alat penting dalam memperkukuh pemahaman terhadap dinamika sosioekonomi semasa di kawasan luar bandar. Hasil kajian ini diharap dapat memberikan perspektif baharu dalam usaha menangani isu kemiskinan dan kesejahteraan sosial dalam masyarakat luar bandar Malaysia.

Kata kunci: Kemiskinan struktural, pembangunan kemandirian ekonomi, sosiobudaya masyarakat luar, novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, pendekatan pengurusan.

ABSTRACT

*This study examines rural communities' socioeconomic challenges by analyzing the novel *Ranjau Sepanjang Jalan* by Shahnnon Ahmad. Economic resilience refers to the community's ability to adapt and endure economic challenges, a key theme in post-independence literature depicting the struggles of rural communities amidst difficult socioeconomic conditions. This study investigates the socioeconomic constraints that lead to poverty and the inequality of opportunities in rural areas that still exist within Malaysian society today, using the Structural Poverty Theory by William Julius Wilson (1987). Additionally, the Management approach by Mohammad Mokhtar Abu Hassan (2013) provides a strategic solution, focusing on resource management and sustainable community development. Based on a comparative analysis with current socioeconomic data, this study contributes to the finding that *Ranjau Sepanjang Jalan* remains relevant in the context of rural poverty in present-day Malaysia, as marginalised communities continue to utilise limited resources to adapt to economic changes. This finding also highlights literary narratives as a vital tool for strengthening the understanding of contemporary socioeconomic dynamics in rural areas. The findings are expected to offer new perspectives in addressing poverty and social welfare within Malaysia's rural communities.*

Keywords: Structural poverty, economic resilience development, rural community socio-culture, *Ranjau Sepanjang Jalan* Novel, management approach.

PENGENALAN

Masyarakat luar bandar di Malaysia sering menghadapi cabaran ekonomi dan sosial yang berlarutan termasuk kadar kemiskinan yang lebih tinggi berbanding kawasan luar bandar (*Department of Statistics Malaysia*, 2022). Sejak era pascakemerdekaan, kemiskinan struktural yang dialami oleh masyarakat luar bandar khususnya golongan petani menjadi isu berpanjangan yang berkait rapat dengan ketidakseimbangan dalam pembangunan ekonomi negara. Penampilan novel *Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ)* oleh Shahnnon Ahmad (1966) menggambarkan kehidupan masyarakat tani dalam persekitaran ekonomi yang terhad dan mencerminkan isu-isu sosioekonomi yang masih relevan sehingga kini. Sepertimana yang diuraikan oleh Mohd Sahrul Syukri, et al. (2019), karya sastera sering mencerminkan realiti kehidupan masyarakat dan dalam keadaan ini memperlihatkan ketidakseimbangan sosioekonomi sehingga menjejaskan kehidupan golongan berpendapatan rendah di luar bandar.

Maka dengan itu, karya sastera berperanan dalam memperjuangkan isu sosioekonomi yang sering dijadikan medium bagi menyuarakan permasalahan rakyat di samping menjadi alat untuk mencerminkan ketidakadilan sosial. Shahnnon Ahmad (1966) menggunakan *RSJ* sebagai wadah untuk mengetengahkan realiti kehidupan petani, menggambarkan kesukaran dan keperitan hidup mereka akibat kekangan sosioekonomi (Sara Beden & Alice Rayon, 2021). Sastera berupaya membawa isu-isu yang berakar umbi dalam masyarakat untuk mendapatkan perhatian yang lebih kritis (Azman Ismail, 2018, Mohd Haniff, 2023). Berdasarkan naratif dalam novel ini dapat dilihat bahawa peranan sastera melangkaui aspek hiburan, tetapi juga berfungsi sebagai kritikan sosial terhadap ketidakadilan dalam sistem sosioekonomi yang masih menjadi realiti bagi masyarakat luar bandar di Malaysia.

Objektif kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menilai keupayaan novel dalam memberi gambaran yang mendalam tentang kehidupan masyarakat luar bandar dan mengkritik struktur sosioekonomi yang menindas. Kajian ini turut membawa objektif tambahan termasuk memahami relevansi isu dalam *RSJ* dalam konteks semasa dan melihat kemampuan karya sastera dijadikan alat kritikan yang konstruktif terhadap ketidakadilan ekonomi dan sosial di kawasan luar bandar melalui perbandingan dengan sosioekonomi masa kini.

Teori Kemiskinan Struktural yang diperkenalkan oleh William (1987) sangat relevan digunakan kerana teori ini menekankan kemiskinan yang berpunca daripada kekangan struktur sosioekonomi yang jelas menggambarkan kehidupan dalam *RSJ*. Kajian yang menggunakan teori ini dapat menjelaskan kekangan ekonomi dan akses yang terhad terhadap sumber menyumbang kepada ketidakseimbangan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Aspek kemiskinan struktural yang menjadi punca utama cabaran ekonomi bagi watak-watak dalam novel menyoroti isu kemiskinan dan kekurangan peluang ekonomi di luar bandar yang masih dilihat dalam masyarakat kontemporari (Siti Aishah Tan Ahmad Idris & Zainab Mohd Noor, 2022).

Dalam masa yang sama, teori ini digabungkan dengan Pendekatan Pengurusan yang diasaskan oleh Mohammad Mokhtar Abu Hassan (2013) berikutan kesesuaian pendekatan ini diterapkan dan digunakan sebagai rangka untuk mengusulkan penyelesaian praktikal bagi isu sosioekonomi yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar seperti dalam novel. Hal ini termasuk strategi untuk pengurusan sumber yang mampan dan pembangunan komuniti. Merujuk kepada penggunaan pendekatan ini, kajian dihubungkan kaitkan dengan kaedah pengurusan yang praktikal dan kontemporari dan bukan hanya memberikan kritikan tetapi juga cadangan penyelesaian dalam konteks kajian ini.

Kepentingan kajian ini adalah untuk memperluas pemahaman terhadap konsep ketahanan ekonomi dalam konteks karya prosa Melayu pascamerdeka yang dapat mencerminkan perkembangan sosioekonomi masyarakat Malaysia dari sudut pandang sastra. Kajian ini penting dijalankan kerana melalui analisis prosa Melayu, kajian ini memberi peluang untuk khalayak masyarakat memahami cara sastra mengabdikan pengalaman, cabaran dan strategi masyarakat dalam menghadapi ketidakpastian ekonomi selepas kemerdekaan. Kajian ini juga dapat menunjukkan kaedah penulis sastra mencerminkan ketahanan dan kecekalan masyarakat dalam beradaptasi terhadap perubahan ekonomi dan sosial Kessler (dipetik dalam Nor Hayati Sa'at, 2011).

Disamping itu, kajian ini turut berfungsi sebagai alat untuk menganalisis perkembangan sosioekonomi terkini dengan membandingkan karya prosa dengan realiti semasa terutama dalam memahami daya tahan ekonomi dan faktor yang mempengaruhinya. Penemuan kajian ini juga boleh digunakan sebagai rujukan untuk strategi pembangunan

ekonomi yang lebih inklusif. Kajian ini selanjutnya menjembatani antara bidang sastra dan ekonomi dengan menyumbang kepada perkembangan literatur akademik yang melihat ekonomi melalui lensa sastra. Keadaan ini dapat memperkayakan kedua-dua bidang dengan perspektif yang berbeza dan menawarkan wawasan yang mungkin tidak diperoleh melalui kajian ekonomi sahaja.

Kajian terdahulu terhadap novel *RSJ* oleh Shahnnon Ahmad banyak menekankan aspek estetika sastra, simbolisme dan latar sejarah penulisan (Abdul Wahab Ali, 2006, Jyh, 2012). Pendekatan yang digunakan sering bersifat tekstual dan deskriptif dengan memfokus kepada gaya bahasa dan nilai budaya Melayu dalam konteks pascakolonial. Namun, masih terdapat kekosongan dalam pendekatan yang menghubungkan naratif sastra ini dengan realiti kontemporari masyarakat luar bandar, khususnya dari sudut sosioekonomi. Kajian-kajian tersebut jarang sekali melibatkan perbandingan antara tema naratif kemiskinan dan ketahanan ekonomi dengan data empirikal semasa seperti yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2022) dan Khazanah Research Institute (2023).

Kajian ini mengambil inisiatif untuk meneroka pendekatan interdisiplin yang mengintegrasikan analisis naratif sastra dengan data sosioekonomi semasa. Pendekatan ini membolehkan karya prosa Melayu pascamerdeka seperti *RSJ* ditafsir bukan hanya sebagai teks estetik, tetapi sebagai refleksi terhadap struktur kemiskinan, daya tahan ekonomi dan dinamika sosiobudaya luar bandar. Inisiatif ini mengisi kelompongan dalam kajian sastra terdahulu yang cenderung menumpukan kepada konteks sejarah dan nilai estetika semata-mata tanpa menelusuri kaitan langsung dengan realiti kontemporari masyarakat. Justeru, kekuatan dan keunikan kajian ini terletak pada kebolehan menghubungkan teks sastra dengan data empirikal sosioekonomi, sekali gus memperluas sempadan tafsiran sastra ke arah pemahaman yang lebih inklusif dan relevan dengan cabaran masyarakat luar bandar masa kini.

Kemiskinan Struktural

Kemiskinan struktural menurut William (1987) merujuk kepada kekurangan peluang yang disebabkan oleh ketidaksamaan sistematik dalam masyarakat. Faktor-faktor seperti kekurangan akses kepada pendidikan, pekerjaan dan kemudahan asas menjadi penghalang

untuk mencapai kesejahteraan ekonomi. Rujukan terkini oleh Nor Suhadah Salleh et al. (2023) turut menekankan bahawa kemiskinan ini sering berlaku dalam masyarakat yang kurang mendapat sokongan dasar ekonomi yang inklusif.

Pembangunan Kemandirian Ekonomi

Konsep ini berfokus kepada usaha masyarakat untuk mencapai kebergantungan ekonomi sendiri melalui inovasi dan daya tahan (Mohammad Mokhtar Abu Hassan, 2013). Tambah Faridah Pardi et al. (2021), pembangunan kemandirian ekonomi sangat penting dalam komuniti yang menghadapi cabaran sosioekonomi menyebabkan mereka perlu menyesuaikan diri untuk mencapai kestabilan tanpa terlalu bergantung pada bantuan luar.

Sosiobudaya Masyarakat Luar

Masyarakat luar bandar mempunyai ciri sosioekonomi dan daya upaya tersendiri yang mana faktor kekeluargaan dan hubungan komuniti memainkan peranan penting dalam tindak balas terhadap cabaran ekonomi (Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2019). Tambah Muhamad Faiz Aiman Mohd Sohaimin et al. (2021), nilai budaya yang ditunjukkan dalam masyarakat luar bandar memperkukuh daya tahan mereka dalam menghadapi cabaran sosioekonomi.

Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ)

Novel ini menggambarkan kehidupan masyarakat kampung dalam menghadapi kemiskinan dan cabaran alam sekitar (Shahnon Ahmad, 1966). Menurut dapatan kajian Norazilawati Abd Wahab et al. (2022) novel ini memberikan gambaran jelas tentang ketabahan dan strategi masyarakat kampung dalam menangani cabaran ekonomi dan menjadikannya relevan dalam konteks kajian ketahanan ekonomi.

Pendekatan Pengurusan

Pendekatan Pengurusan yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada prinsip pengurusan sumber untuk mencapai kemandirian ekonomi melalui prinsip perancangan (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, 2013). Kajian Fathin Noor Ain Ramli (2023) turut menyarankan bahawa pengurusan yang berkesan dalam komuniti luar

bandar boleh membantu mereka mengekalkan kelangsungan ekonomi dalam situasi yang mencabar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis teks dan kajian bandingan yang sesuai untuk memahami ketahanan ekonomi dalam karya prosa Melayu pascamerdeka. Reka bentuk ini dipilih kerana dapat membantu menonjolkan aspek-aspek ketahanan ekonomi yang dinyatakan melalui naratif. Data utama bagi kajian ini adalah teks prosa Melayu, iaitu *RSJ* oleh Shahnnon Ahmad yang mengandungi tema ketahanan dan kemiskinan. Sumber sekunder yang digunakan termasuk artikel jurnal, buku teori dan kajian terdahulu yang membincangkan topik ketahanan ekonomi dan kemiskinan. Selanjutnya, Teori Kemiskinan Struktural (William, 1987) dan Pendekatan Pengurusan (Mohammad Mokhtar Abu Hassan, 2013) diaplikasikan untuk meneliti strategi ketahanan ekonomi dalam teks. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks kualitatif yang memberi penekanan kepada struktur dan elemen naratif dalam novel *RSJ* karya Shahnnon Ahmad. Analisis naratif dijalankan dengan meneliti komponen naratif seperti watak, konflik, latar, dialog dan penyelesaian untuk mengenal pasti wacana ketahanan ekonomi dan kemiskinan struktural dalam konteks sosioekonomi masyarakat luar bandar Malaysia. Penekanan diberikan kepada strategi daya tahan watak utama, struktur konflik kemiskinan, naratif usaha dan pengorbanan dalam menghadapi kemelut sosioekonomi. Naratif dalam teks dianalisis dari sudut pengalaman hidup watak-watak yang mencerminkan realiti masyarakat rentan luar bandar yang digariskan dalam data sosioekonomi kontemporari (*Department of Statistics Malaysia*, 2022). Keabsahan dan kebolehpercayaan analisis ini disokong dengan rujukan kajian terdahulu, dialog yang dipetik dalam bahan kajian dan sumber sekunder bagi memperkukuh interpretasi yang dihasilkan dan memastikan kebolehpercayaan dapatan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Analisis kajian ini diperincikan dengan memfokus kepada 3 elemen utama, iaitu kemiskinan, kemandirian dan cabaran masyarakat luar bandar serta kaitannya dengan ketidakseimbangan peluang dan struktur ekonomi.

Kemiskinan dalam Masyarakat Luar Bandar

Novel *RSJ* dengan jelas menggambarkan kemiskinan yang melanda Lahuma dan masyarakat sekitarnya. Keadaan ini dapat dilihat dalam deskripsi kehidupan mereka yang sangat sederhana dan bergantung sepenuhnya kepada hasil sawah padi sebagai sumber utama pendapatan. Kemiskinan bukan sahaja wujud dalam aspek material, tetapi juga mengakibatkan ketiadaan akses kepada peluang peningkatan ekonomi seperti pendidikan dan pekerjaan alternatif. Kemiskinan yang dialami Lahuma juga menyebabkan kehidupan keluarga ini terdedah kepada beban fizikal dan emosi yang berat. Tema kemiskinan ini dianalisis dengan menggunakan Teori Kemiskinan Struktural (William, 1987) yang menggabungkan isu individu dan struktur ekonomi. Teori ini menekankan bahawa kemiskinan bukan hanya masalah individu tetapi juga disebabkan oleh faktor-faktor struktural dalam masyarakat yang mewujudkan ketidakseimbangan ekonomi dan kekurangan peluang.

Aspek Individu dalam Kemiskinan

Perspektif individu menjelaskan kemiskinan dalam *RSJ* dapat dilihat melalui watak Lahuma dan keluarganya. Kehidupan mereka yang bergantung sepenuhnya kepada hasil bersawah padi mencerminkan keterbatasan mereka dalam mengatasi kemiskinan. Walaupun Lahuma rajin berusaha tetapi daya usahanya terhad kerana kekurangan pendidikan, modal dan akses kepada teknologi moden. Keadaan ini menunjukkan bahawa Lahuma sebagai individu yang tidak mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk keluar daripada kemiskinan tegar akibat keterbatasan sumber yang sedia ada dalam persekitarannya.

Jadual 1

Keterbatasan Sumber dalam Persekitaran

Watak	Petikan dialog	Kod
Lahuma	...Traktor tuk penghulu itu mudah. Kita bayar sewanya bila padi masak....Tetapi tuk penghulu tidak akan beri sewa...	RSJhlm128-129

Petikan dialog ini menunjukkan kekangan kemiskinan dan ketidakseimbangan peluang bagi masyarakat di luar bandar.

Watak Lahuma dalam dialog ini mengeluh tentang kesulitan untuk mendapatkan traktor daripada Penghulu. Hal ini menggambarkan isu struktur ekonomi yang sering berlaku dalam masyarakat luar bandar yang meletakkan golongan berpengaruh seperti Penghulu mengawal sumber yang kritikal bagi pekerjaan dan kelangsungan hidup mereka. Teori Kemiskinan Struktural (William, 1987) menjelaskan bahawa kemiskinan bukan hanya disebabkan oleh kekurangan usaha individu tetapi akibat kekangan struktur ekonomi yang menghalang mobiliti dan akses kepada sumber.

Dalam konteks ini, Penghulu sebagai simbol struktur yang tidak seimbang dalam konteks ini menunjukkan kuasa yang menghalang akses kepada sumber masyarakat miskin meningkatkan taraf hidup mereka. Lahuma sebagai petani berdepan dengan ketidakadilan ini apabila Penghulu enggan menyewakan traktornya walaupun Lahuma bersedia untuk membayar sewa tersebut apabila padinya masak. Kekangan ini menambah beban kepada masyarakat seperti Lahuma yang bergantung hidup pada hasil pertanian. Tambahan lagi, analisis ini memperlihatkan struktur sosial dan ekonomi yang tidak seimbang memberi kesan langsung kepada kelangsungan hidup masyarakat luar bandar dalam novel *RSJ* serta memaparkan ketidakseimbangan kuasa yang wujud dalam struktur masyarakat. Pandangan ini selaras dengan Pendekatan Pengurusan Mohammad Mokhtar Abu Hassan (2013) yang menekankan pentingnya strategi pengurusan sumber untuk memastikan pembangunan komuniti secara mampan dan adil.

Kemandirian Masyarakat dalam menghadapi Cabaran

Watak-watak dalam novel ini menunjukkan kemandirian dan daya tahan yang luar biasa walaupun berdepan dengan kemiskinan. Lahuma dan keluarganya berusaha keras mengusahakan sawah padi meskipun menghadapi ancaman hebat seperti banjir dan serangan perosak. Kemandirian mereka adalah refleksi kepada sifat gigih masyarakat luar bandar yang tidak mudah menyerah, meskipun sumber yang ada sangat terbatas. Pendekatan Pengurusan Mohammad Mokhtar Abu Hassan (2013) melalui kemandirian ini memberi tumpuan kepada pengurusan sumber untuk mencipta kelestarian ekonomi komuniti luar bandar. Watak Lahuma boleh dilihat mengamalkan strategi survival yang optimum menunjukkan masyarakat luar bandar perlu bergantung kepada pengurusan yang bijak untuk terus bertahan.

Cabaran Ekonomi dan Ketidakseimbangan Peluang

Naratif *RSJ* turut mengetengahkan cabaran ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar akibat ketidakesimbangan peluang. Ketidakadilan dalam akses kepada peluang ekonomi dapat dilihat dalam kekurangan peluang masyarakat luar bandar memperbaiki taraf hidup. Watak-watak seperti Lahuma dan keluarganya masih terikat dengan kehidupan sawah padi yang tidak stabil dan sering terdedah kepada risiko kehilangan atau kekurangan hasil tanaman dan pendapatan. Hal ini menunjukkan bahawa struktur ekonomi dan sistem sedia ada tidak memberi peluang dan ruang untuk peningkatan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Teori Kemiskinan Struktural melihat ketidakseimbangan ini dalam kalangan masyarakat miskin wujud disebabkan infrastruktur yang tidak memberi peluang sama rata. Masyarakat luar bandar di Malaysia yang bekerja dalam sektor pertanian sering tidak menerima sokongan ekonomi yang mencukupi berbanding masyarakat bandar yang mempunyai akses kepada pendidikan dan pekerjaan yang lebih baik. Novel ini secara implisit mengkritik sistem ekonomi yang tidak inklusif sehingga menyebabkan masyarakat luar bandar terpaksa berjuang untuk sumber terhad tanpa bantuan yang memadai.

Analisis Perbandingan Data dan Kajian Empirikal Terkini

Analisi bandingan antara novel *RSJ* dan kajian keadaan masyarakat luar bandar di Malaysia menunjukkan wujudnya dapatan yang berikut:

Kemiskinan, Cara Hidup, Penderitaan dan Realiti Kemajuan Ekonomi

Novel *RSJ* menggariskan penderitaan yang dialami oleh keluarga Lahuma dan Jeha yang mencerminkan realiti kehidupan masyarakat petani yang terjebak dalam kemiskinan. Kajian Ahmad Zubir Ibrahim et al. (2023) menunjukkan bahawa kebanyakan keluarga di Malaysia menghadapi cabaran yang sama dengan ketidakmampuan untuk memenuhi keperluan asas. Hal ini menjelaskan bahawa isu kemiskinan dalam novel adalah realiti yang masih relevan dan dialami oleh masyarakat pada hari ini. Tambahan lagi, *RSJ* menggambarkan kehidupan keluarga yang bergelut dengan kemiskinan dan ketidakseimbangan ekonomi berikutan kebergantungan kepada hasil tanaman padi yang terdedah kepada risiko alam. Keadaan ini mencerminkan masyarakat miskin di Malaysia yang masih terkesan oleh kemajuan ekonomi yang tidak seimbang.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Zurina Ahmad Saidi et al. (2018), meskipun Malaysia telah mencapai tahap pembangunan yang lebih baik, jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar masih ketara menyebabkan masyarakat luar bandar tertinggal dari segi akses kepada peluang pekerjaan dan kemudahan infrastruktur. Bahkan, Mohd Azhar Abdul Rahman et al. (2022) juga membincangkan bahawa walaupun Malaysia telah berkembang pesat dalam sektor ekonomi terutamanya dalam kalangan pekerja sektor pertanian namun masyarakat masih menghadapi ketidakstabilan harga dan hasil pertanian yang rendah. Tema kemiskinan dalam *RSJ* menggambarkan situasi serupa yang menunjukkan kemiskinan sistematik mengekalkan golongan miskin hidup dalam lingkaran ketidakberdayaan yang hampir mustahil untuk dipecahkan tanpa campur tangan bantuan yang berkesan.

Perubahan dalam Pertanian Tradisional ke Moden

Ketegangan antara kaedah pertanian tradisional dan moden dalam *RSJ* mendapati Lahuma lebih memilih untuk bertahan dengan cara lama sehingga menyebabkan kesukarannya dalam mencari pekerjaan. Kajian Nor Suhadah Salleh et al. (2023) mendapati pengenalan teknologi pertanian moden dapat meningkatkan hasil tetapi banyak petani masih ragu-ragu dan teragak-agak untuk beralih kerana kurangnya pengetahuan dan sokongan yang mencukupi. Hal demikian menunjukkan bahawa peralihan kepada kaedah pertanian moden adalah satu cabaran yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar sama seperti yang digambarkan dalam novel.

Ketidakpuasan Sosial

RSJ juga menyentuh tentang ketidakpuasan hati penduduk terhadap keadaan mereka. Kajian Zaleha Embong et al. (2021) menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat dalam perancangan komuniti dapat memberikan suara kepada mereka untuk memperbaiki keadaan hidup. Hal ini seiring dengan tema dalam *RSJ* yang mengetengahkan harapan untuk perubahan dan peningkatan hidup wujud dalam keadaan yang sukar.

Ketahanan dan Cabaran serta Hubungannya dengan Realiti Sosioekonomi

RSJ memaparkan kisah keluarga Lahuma yang menghadapi pelbagai cabaran kehidupan seperti bencana alam, kekurangan sumber dan

penyakit dalam bertani. Kajian Hariram et al. (2023) membandingkan isu ketahanan ini dengan masyarakat luar bandar yang sering berdepan dengan kesukaran ekonomi dan sosial. Ketahanan mereka mencerminkan cabaran sebenar yang dialami oleh komuniti miskin di Malaysia terutamanya di kawasan luar bandar. Masyarakat luar bandar sangat bergantung kepada pertanian sebagai sumber pendapatan utama. Ketahanan ini juga dilihat dalam kemampuan masyarakat untuk beradaptasi dan terus berjuang meskipun keadaan kehidupan yang sukar. Dapatan Ahmad Redzaudin Ghazali (2023) juga menyokong hujahan ini dengan menyatakan bahawa isu-isu ketahanan dalam kalangan masyarakat luar bandar di Malaysia berpunca daripada masalah seperti akses terhad kepada pendidikan dan kemudahan asas yang menyukarkan mereka untuk keluar daripada kitaran kemiskinan. Elemen ketahanan dalam *RSJ* mengajar masyarakat mengenai kecekalan dalam menghadapi kemiskinan dan ketidaksetaraan ekonomi di Malaysia.

Pengurusan Sumber dan Strategi dalam Konteks Sosioekonomi

Watak-watak utama dalam *RSJ* menggunakan pendekatan tersendiri untuk menguruskan sumber-sumber mereka yang sangat terhad. Misalnya, Lahuma dan keluarganya mengatur strategi untuk memastikan tanaman mereka cukup untuk menampung keperluan harian sepertimana dalam petikan dialog yang berikut:

Jadual 2

Pengurusan Sumber dan Strategi Lahuma

Watak	Petikan dialog	Kod
Lahuma	Kita cuba padi Malinja pula tahun ini	RSJhlm7
	Banyak orang di kampung ini nak tanam padi Malinja. Kata mereka, buahnya montok-montok dan gemok-gemok.	RSJhlm7
Lahuma	Anak-anak kita perlu makan siang malam. Tak ada nasi anak-anak kita akan mati!	RSJhlm213
Lahuma	Kita cuba padi Malinja pula tahun ini	RSJhlm7-8
	Banyak orang di kampung ini nak tanam padi Malinja. Kata mereka, buahnya montok-montok dan gemok-gemok.	

(sambungan)

Watak	Petikan dialog	Kod
Jeha	Nak tanam Malinja kesemua 14 relung tu? Kita campur-campur, apa nak digaduhkan?Tujuh Malinja. Tiga Siam.Tiga Serindit dan serelung	
Lahuma	lagi tu kita tanam pulut saja. Budak-budak kita ni suka sangat makan pulut waktu pagi sebelum pergi sekolah. Makan pulut ni kenyang lama.	

Mohammad Mokhtar Abu Hassan (2013) menjelaskan prinsip perancangan yang terkandung dalam Pendekatan Pengurusan menjadi platform yang tepat dalam merancang strategi penggunaan sumber secara maksimum bagi mencapai keberhasilan ekonomi walaupun dalam konteks yang mencabar kepada masyarakat Malaysia. Hal ini dapat dilihat menerusi perancangan Lahuma dalam mengatur strategi membangunkan pendapatannya sekeluarga dalam perusahaan penanaman padi. Kajian Aminuddin Mohamad dan Zainab Johari (2022) dalam konteks sosioekonomi Malaysia menjelaskan pendekatan pengurusan yang baik boleh membantu komuniti luar bandar mengoptimumkan sumber daya yang terhad terutama dengan adanya bantuan teknologi dan pendidikan.

Penggunaan teknik pertanian moden dan pendidikan kewangan di kawasan luar bandar dianggap mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat dengan mengurangkan ketergantungan kepada faktor ekonomi tradisional yang terdedah kepada risiko tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa aspek pengurusan yang ada dalam *RSJ* relevan dengan pendekatan moden yang diperlukan dalam masyarakat luar bandar Malaysia untuk mengatasi cabaran ekonomi. Strategi pengurusan perancangan sara hidup masyarakat tani pascamerdeka seterusnya dipaparkan dalam rajah selanjutnya yang membahaskan perancangan Lahuma dan isterinya untuk memilih benih padi sebagai tanaman mereka.

Carta alir ini bermula daripada menetapkan objektif sehingga membuat keputusan dengan menggunakan prinsip perancangan yang terkandung dalam Pendekatan Pengurusan. Berikut dijelaskan kefungsiian carta ini, iaitu:

Tetapkan Objektif. Pada permulaan carta objektif utama yang diterapkan oleh watak Lahuma adalah untuk menyemai benih padi. Penetapan objektif ini penting dalam perancangan kerana dapat memberi fokus kepada aktiviti utama yang perlu dicapai. Malahan,

penetapan objektif yang jelas dalam konteks perancangan pengurusan berupaya membantu untuk merangka langkah-langkah yang perlu diambil seterusnya.

Bentuk Strategi. Lahuma menjalankan langkah membentuk strategi setelah objektif ditetapkan dalam perancangannya. Strategi Lahuma dalam carta ini adalah memilih benih padi dengan kriteria buah yang ‘montok-montok dan gemok-gemok’ menjadi pilihan. Pemilihan strategi ini menunjukkan perancangan yang teliti Lahuma terhadap kualiti benih padi yang akan disemai untuk mencapai hasil yang diinginkan. Pemilihan strategi yang sesuai dalam pengurusan amat penting bagi memastikan setiap sumber dan tindakan yang diambil adalah seimbang dengan objektif.

Pilihan Alternatif. Carta ini juga menunjukkan langkah membuat pilihan alternatif, iaitu menentukan jenis padi yang akan ditanam seperti padi Malinja, Siam, Serindit dan Pulut. Pilihan alternatif ini memberi ruang untuk menilai dan membandingkan jenis padi yang sesuai berdasarkan keadaan atau keperluan yang berbeza. Mempertimbangkan alternatif dalam prinsip perancangan adalah penting untuk memastikan keberkesanan hasil akhir strategi yang diatur.

Menilai Langkah Alternatif. Langkah ini menunjukkan penilaian Lahuma terhadap langkah alternatif dengan mengambil kira jumlah kawasan tanaman, iaitu ‘14 relung’ milik pusaka Lahuma. Maka, menilai langkah alternatif dalam konteks pengurusan membolehkan penilaian dari segi risiko, sumber yang diperlukan dan kesan terhadap objektif sebenar.

Pilih Satu Cara. Carta alir ini kemudiannya menunjukkan keputusan yang dibuat Lahuma dengan memilih satu cara, iaitu menggunakan traktor dan menetapkan jangka masa 8 minggu. Perancangan ini adalah sebahagian daripada perancangan operasi bagi penggunaan sumber dan tempoh masa yang ditetapkan untuk memastikan proses berjalan lancar.


Buat Keputusan. Akhirnya Lahuma membuat keputusan sama ada melaksanakan tugas secara bersendirian atau melibatkan bantuan anak-anaknya ‘Sarah dan Milah’ setelah isterinya Jeha terkena ‘geruh ular’. Keadaan ini menggambarkan perancangan sumber manusia

dalam pengurusan yang terkandung keputusan melibatkan tenaga kerja dipertimbangkan mengikut keperluan tugas.

Kesimpulannya, carta ini mencerminkan prinsip perancangan yang berstruktur dengan menetapkan objektif, memilih strategi, mempertimbangkan pilihan alternatif, menilai alternatif, memilih satu cara pelaksanaan dan akhirnya membuat keputusan. Pertimbangan ini mencerminkan kecekapan dalam perancangan bagi mencapai hasil yang optimal dalam penanaman padi yang boleh diaplikasikan pengurusannya dalam sosioekonomi di Malaysia. Analisis novel *RSJ* bukan sahaja dinilai sebagai sebuah karya sastera tetapi juga mencerminkan isu-isu sosial dan ekonomi yang masih dihadapi oleh masyarakat luar bandar di Malaysia.

Rajah 1

Aliran Perancangan Lahuma dalam RSJ



(Ubahsuai daripada Prinsip Perancangan Pendekatan Pengurusan Mohammad Mokhtar Abu Hassan, 2013)

Impak Naratif kepada Pemahaman Sosioekonomi

Impak naratif mempunyai kaitan yang erat dalam memberikan perspektif sosioekonomi kepada masyarakat. Naratif dalam karya prosa Melayu seperti *RSJ* karya Shahnnon Ahmad berfungsi bukan sekadar seni hiburan tetapi sebagai alat untuk mendalami realiti sosioekonomi khususnya dalam konteks kemiskinan, ketahanan dan strategi hidup golongan bawahan.

Pemahaman Sosioekonomi Melalui Pengalaman Watak

Watak-watak dalam *RSJ* berdepan dengan cabaran ekonomi yang memerlukan mereka menyesuaikan diri dengan keadaan hidup yang mencabar. Hal ini memberi gambaran kepada pembaca mengenai realiti kemiskinan pada waktu itu dan betapa terhadnya peluang ekonomi bagi masyarakat luar bandar. Pengkajian ini menunjukkan cara naratif membantu masyarakat untuk memahami cabaran sosioekonomi yang mungkin masih wujud dalam kalangan golongan miskin di Malaysia pada masa kini. Tambahan lagi, naratif juga menghidupkan prinsip ketahanan ekonomi yang melibatkan ketabahan dan kecekalan watak boleh dijadikan model kepada masyarakat untuk bertahan dalam situasi ekonomi yang mencabar.

Pendekatan Pengurusan dalam Keadaan Terdesak

Pendekatan watak-watak menguruskan sumber yang terhad dalam kajian *RSJ* seperti tanah sawah dan tenaga kerja keluarga menjadi refleksi pendekatan pengurusan yang bersifat praktikal. Naratif ini menghubungkan pendekatan pengurusan dengan keadaan masyarakat hari ini menguruskan ekonomi keluarga dalam situasi tertekan dan terhad. Keadaan ini memberikan asas untuk menyarankan strategi pengurusan sumber dalam kalangan masyarakat berpendapatan rendah yang selaras dengan naratif dalam prosa (Muhardis, 2024) Bukti turut menunjukkan ketahanan ekonomi bukan sahaja tentang bertahan tetapi juga tentang perancangan yang bijak dan strategi yang berkesan.

Perbandingan Sosioekonomi Masa Kini dengan Naratif Lalu

Kajian ini turut menyentuh tentang perbezaan antara sosioekonomi zaman pascamerdeka yang digambarkan dalam *RSJ* dengan keadaan

sosioekonomi Malaysia kini yang lebih moden dan maju. *RSJ* dalam konteks ini boleh digunakan sebagai cerminan untuk mengukur pencapaian ekonomi Malaysia dan isu-isu kemiskinan yang mungkin masih berlarutan meskipun dalam bentuk yang berbeza. Maka, keadaan ini memberikan impak naratif kepada pembaca khususnya dalam memahami sejarah sosioekonomi masyarakat dahulu masih relevan untuk direnungkan dalam konteks peralihan ekonomi dan kemajuan hari ini.

Naratif Sebagai Alat Pendidikan dan Inspirasi Sosioekonomi

Kajian ke atas *RSJ* menekankan bahawa melalui naratif seperti dalam *RSJ* mendidik masyarakat tentang nilai-nilai ketabahan, kecekalan dan sikap tidak mudah berputus asa dalam menghadapi tekanan ekonomi seperti ketidakstabilan harga dan kos sara hidup. Inspirasi ini bukan sahaja bertujuan untuk membina ketahanan ekonomi pada peringkat individu tetapi juga pada peringkat komuniti yang mengangkat nilai-nilai yang boleh dijadikan asas kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi negara. Kesimpulannya, impak naratif memberikan dimensi tambahan yang memperkaya pemahaman masyarakat terhadap isu-isu sosioekonomi. Naratif prosa Melayu pascamerdeka bukan sahaja menggambarkan sejarah kemiskinan dan ketahanan, tetapi juga berfungsi sebagai alat pendidikan untuk masyarakat masa kini memahami dan belajar dari keadaan masa lalu. Hal ini memperkuat relevansi kajian yang menggabungkan naratif dengan pemahaman kontemporari mengenai ketahanan ekonomi dan menambah nilai kepada literatur dan pendidikan sosiekonomi di Malaysia.

Sumbangan dan Saranan kepada Masyarakat di Malaysia

Sumbangan dan saranan kepada masyarakat di Malaysia boleh dirumuskan seperti yang berikut:

Pemahaman dan Kesedaran Sosioekonomi

Kajian ini memberikan sumbangan kesedaran kepada masyarakat tentang impak ekonomi terhadap kehidupan individu dan komuniti dalam prosa Melayu pascamerdeka. Masyarakat dapat memahami cabaran sosioekonomi yang dialami pada masa itu melalui karya seperti *RSJ* dan membandingkannya dengan realiti masa kini terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah. Masyarakat

disarankan untuk mendalami nilai-nilai yang diketengahkan dalam karya ini untuk meningkatkan empati terhadap golongan yang masih berhadapan dengan ketidakstabilan ekonomi. Pemahaman terhadap situasi ini dapat membantu dalam menyokong dasar-dasar ekonomi yang mementingkan kesejahteraan semua lapisan masyarakat.

Peningkatan Kecekapan Pengurusan Ekonomi Keluarga

Kajian ini dapat menyumbang ke arah memberi panduan kepada masyarakat tentang cara mengurus sumber ekonomi dalam situasi kekangan. Merujuk kepada pendekatan dan strategi watak dalam prosa seperti pengurusan sumber terhadap dan penetapan objektif yang jelas membolehkan masyarakat memperoleh inspirasi untuk menghadapi cabaran ekonomi pada masa kini. Malahan, masyarakat disarankan untuk mengadaptasikan strategi pengurusan sumber yang lebih bijak seperti mengutamakan keperluan asas dan mengurangkan pembaziran sebagaimana yang dicerminkan dalam kehidupan watak-watak yang berdepan dengan kemiskinan. Pendidikan tentang kewangan keluarga dan pengurusan sumber yang mampan juga perlu diperluas pada peringkat komuniti.

Penerapan Nilai Ketahanan dan Kecekalan

Karya-karya prosa Melayu sering menonjolkan ketahanan dan kecekalan watak dalam menghadapi kemiskinan. Kajian ini menggariskan kepentingan sikap positif dan daya tahan dalam menghadapi situasi ekonomi yang sukar dan relevan bagi masyarakat pada masa kini dalam menghadapi cabaran seperti inflasi dan peningkatan kos sara hidup. Masyarakat juga perlu mengamalkan nilai ketahanan dalam menghadapi tekanan ekonomi dan mencari peluang untuk meningkatkan taraf hidup mereka misalnya melalui latihan kemahiran baharu atau pendidikan lanjut. Agensi-agensi masyarakat juga boleh memainkan peranan dalam memberi sokongan sama ada melalui kewangan atau program pemerkasaan ekonomi.

Penggalakan Sastra sebagai Cerminan Realiti Sosioekonomi

Kajian menunjukkan bahawa karya sastra Melayu berperanan sebagai cerminan isu sosioekonomi. Masyarakat dapat memahami sejarah perkembangan ekonomi melalui perspektif sastra yang mungkin lebih mendalam berbanding statistik semata-mata.

Masyarakat terutamanya golongan muda disarankan untuk mendekati karya sastera Melayu untuk melihatnya sebagai sumber inspirasi dan pembelajaran mengenai cabaran ekonomi. Pihak pendidikan dan kebudayaan juga digalakkan untuk mengangkat karya-karya sastera ini dalam program pembelajaran atau acara kebudayaan.

KESIMPULAN

Kesimpulan daripada kajian ini mendapati bahawa karya sastera Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai produk budaya tetapi juga sebagai cerminan realiti sosioekonomi pada zaman pascamerdeka dan kerevelenannya sehingga kini. Kajian yang mengupas naratif dan perbandingan dalam karya Shahnnon Ahmad ini memberikan pemahaman yang mendalam mengenai ketahanan ekonomi dan cabaran hidup yang dihadapi oleh masyarakat Melayu pada ketika itu. Melalui perspektif Teori Kemiskinan Struktural oleh William (1987) dan Pendekatan Pengurusan oleh Mohammad Mokhtar Abu Hassan (2013), kajian ini berjaya merungkai unsur-unsur kemiskinan daya tahan dan pengurusan ekonomi yang diterapkan dalam naratif sehingga dapat menjadi teladan bagi masyarakat Malaysia pada masa kini. Bukan itu sahaja, kajian ini turut menekankan bahawa ketahanan ekonomi bukan sahaja terbatas pada kemampuan individu tetapi juga merangkumi strategi pengurusan sumber dan daya tahan komuniti dalam menghadapi cabaran ekonomi. Bahkan, kajian ini turut menyumbang kepada peningkatan kesedaran dan pendidikan mengenai isu sosioekonomi dalam konteks kontemporari sekaligus memperkukuh kepentingan prosa Melayu sebagai medium untuk memahami dan menghayati nilai ketahanan ekonomi. Malah, kajian ini menekankan bahawa karya prosa Melayu pascamerdeka masih relevan dalam memberikan wawasan tentang ketahanan ekonomi dan strategi pengurusan yang dapat diaplikasikan oleh masyarakat pada hari ini. Hal ini bukan sahaja memperkaya bidang sastera dan kajian sosiobudaya, tetapi juga memberi nilai tambah dalam memahami dan menghayati isu ketahanan sosioekonomi yang masih menjadi cabaran bagi masyarakat Malaysia. Maka, kajian ini secara tegas membuktikan bahawa gabungan pendekatan analisis teks sastera dengan data dan konsep sosioekonomi kontemporari mampu melahirkan satu wacana baharu yang lebih menyeluruh dan signifikan dalam memahami ketahanan masyarakat luar bandar pascamerdeka. Berdasarkan pembacaan rinci terhadap novel *RSJ* dan hubung kaitnya dengan

konsep kemiskinan struktural serta pendekatan pengurusan sumber dalam bentuk carta alir, dapatan kajian memperlihatkan bahawa naratif sastra bukan sahaja berfungsi sebagai cerminan budaya, tetapi juga sebagai dokumen sosial yang merakam realiti ekonomi dan strategi pengurusan daya tahan golongan rentan luar bandar dalam mengekalkan sumber pendapatan. Rumusnya, keunikan kajian ini terletak pada integrasi dua bidang ilmu, iaitu sastra dan ekonomi yang secara tradisinya diuruskan secara berasingan dalam kerangka penyelidikan akademik. Melalui hubungan dimensi estetika teks kepada kerangka pemikiran pembangunan sosioekonomi, kajian ini membuka ruang baharu dalam penyelidikan interdisiplin yang masih kurang diteroka dalam konteks kesusasteraan Melayu moden. Justeru, kajian ini bukan sekadar memberi sumbangan kepada wacana sastra pascamerdeka, tetapi juga menyokong kepada agenda pemahaman terhadap pembangunan lestari luar bandar melalui kerangka budaya dan naratif. Impak kajian ini amat penting dalam usaha memperkukuh penyelidikan rentas disiplin, selari dengan tuntutan penyelidikan berasaskan integrasi ilmu, keterhubungan isu kontemporari dan sumbangan terhadap dasar awam atau kesejahteraan masyarakat.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada pihak editor Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya *RENTAS* atas peluang yang diberikan untuk menerbitkan artikel dalam jurnal ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Shahril Ismail: Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pemilihan tajuk dan reka bentuk penyelidikan, termasuk pembangunan instrumen soal selidik berdasarkan kajian terdahulu. Beliau turut melaksanakan keseluruhan proses pengumpulan dan analisis data, serta menulis kesemua bahagian artikel, daripada pengenalan, sorotan literatur,

metodologi, dapatan dan perbincangan, hingga kesimpulan. Selain itu, beliau juga menyelaraskan penyusunan akhir artikel untuk penerbitan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan dalam penghasilan artikel penyelidikan, tiada potensi konflik berkaitan penulisan dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abdul Wahab Ali. (2006). *Kritikan sastra Melayu moden*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohamad Rofian Ismail & Khairatul Akmar Abd. Latif. (2023). Isu kemiskinan dalam novel Bidayah wa Nihayah dan Ranjau Spanjang Jalan: Kajian perbandingan. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 5(2), 56-67. <https://doi:10.53840/ejbl.v5i2.151>
- Ahmad Zubir Ibrahim. (2023). *Livelihood asset index: A case study in rural area, Kedah, Malaysia*. European Proceedings. <https://doi:10.15405/epsbs.2023.11.02.11>
- Azman Ismail. (2018). Novel-novel Shahnun Ahmad dalam perspektif etnografi. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)* 6, 1-30. <https://core.ac.uk/download/pdf/322456949.pdf>
- Department of Statistics Malaysia. (2022). *Laporan tahunan 2022: Statistik ekonomi dan sosial di Malaysia*. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Faridah Pardi, Mohd Azlan Abdul Majid & Sutina Junos. (2021). Kelestarian pembangunan ekonomi Malaysia: Suatu cabaran dalam era digital. *Rona Tinta*. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/64442/1/64442.pdf>
- Fathin Noor Ain Ramli. (2023). *Prinsip pengurusan perancangan dalam Ranjau Sepanjang Jalan, Srengenge, Seluang Menodak Baung-Karya Shahnun Ahmad*. <https://apakahabartv.com/wp-content/uploads/2023/10/kertaskerjadrfatin.pdf>

- Hariram, N. P., Mekha, K. B., Suganthan, V., & Sudhakar, K. (2023). Sustainalism: An integrated socio-economic-environmental model to address sustainable development and sustainability. *Sustainability*, 15(13), 10682. <https://www.mdpi.com/2071-1050/15/13/10682>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *DOSM official portal*. <https://www.dosm.gov.my/portal-main/landingv2>
- Jyh Wee Sew. (2012). Umami's Obedience in Marriage: A Critical Study of Shahnun Ahmad's Umami & Abang Syekhul. (2012). *KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities*, 19(2), 79–103.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar. (2019). *Dasar pembangunan luar bandar: Ringkasan eksekutif*. <http://myagric.upm.edu.my/id/eprint/20088/1/DPLB-2019-Ringkasan-Eksekutif.pdf>
- Khazanah Research Institute (KRI). (2023). *State of households report*. https://www.krinstitute.org/Publications-@-The_State_of_Households_2024-;_Households_and_the_Pandemic_20192022.aspx#:~:text=Income%20grew%20steadily%20at%205.3,2019%20to%204.5%25%20in%202022
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (4-5 Oktober 2013). *Pendekatan pengurusan: Satu metode dalam kritikan sastra* [Sesi persidangan]. Himpunan Ilmuwan Sastra Melayu Malaysia Kedua, Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Mohd Azlan Shah Zaidi. (2023). Urban resilience and poverty in Malaysia. *International Journal of Sustainable Development & Planning*, 18(4). <https://doi.org/10.18280/ijdsdp.180411>
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff. (2023). *Manikam Kalbu: Adat dan adab Melayu*. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2, 55-73. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.3>
- Mohd Sahrul Syukri, Nurul Farahein & Narimah Samat. (2019). Penggunaan analisis faktor bagi menentukan faktor pendorong kemiskinan isi rumah di wilayah utara Semenanjung Malaysia. *e-BANGI*, 16, 1-18.
- Muhamad Faiz Aiman Mohd Sohaimin, Azahan Awang & Azlan Abas. (2021). Kearifan tempatan dalam pertanian sara diri: Satu sorotan. *e-BANGI Journal*, 18(2). <https://journalarticle.ukm.my/16947/1/46782-151106-1-SM.pdf>
- Muhardis. (2024). The interval values of akhlak in Kaba Si Sabariah for educational development. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3, 71-93. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.4>
- Norazilawati Abd Wahab, Ruzaini Sulaiman @ Abd Rahim, Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah. (2022). Perkembangan

- negeri Terengganu 1920-1942, berdasarkan Syair Tawarikh Zainal Abidin III. *Asian Journal of Enviroment, History and Heritage*, 6 (1), 87-106.
- Nor Hayati Sa'at. (2011). Mobiliti sosial dalam kalangan komuniti pesisir pantai: Kajian kes di Kuala Terengganu. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 29, 95-123. [http://web.usm.my/km/29\(Supp1\)2011/KM%20Vol.%2029%20Supp.%201%20-%20Art.%206%20%20\(Nor%20Hayati%20Sa'at\).pdf](http://web.usm.my/km/29(Supp1)2011/KM%20Vol.%2029%20Supp.%201%20-%20Art.%206%20%20(Nor%20Hayati%20Sa'at).pdf)
- Nor Suhadah Salleh, Nor Fatimah Che Sulaiman, Suriyani Muhamad, Mohd Nasir Nawawi, Nazli Aziz & Norazilawati Abd Wahab, N., Ruzaini Sulaiman, R., & Noor Arbai'yah Abdullah, Mohd Firdaus. (2022). Penglibatan wanita Melayu dalam memperkasa sosioekonomi dan kesejahteraan hidup menerusi penanaman padi di Terengganu pada awal abad 20. *Akademika*, 92(3), 117-131. <https://www.proquest.com/openview/699f1451edfeb7d4d505f15b7feb8797/1?cbl=2039400&pq-origsite=gscholar>
- Sara Beden & Alice Rayon. (2021). Ranjau Sepanjang Jalan dari kaca mata sosiologi. *Prosiding Kolokium Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu*, 94. https://www.researchgate.net/profile/Sara-Beden/publication/359417805_Prosiding_KoloKium_Bahasa_sastra_dan_Budaya_Melayu_2021/links/623b20f53818892e0a6bbb8e/Prosiding-KoloKium-Bahasa-sastra-dan-Budaya-Melayu-2021.pdf#page=100
- Shahnon Ahmad. (1966). *Ranjau sepanjang jalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Aishah Tan Ahmad Idris & Zainab Mohd Noor. (2022). Pengaruh kesejahteraan sosial terhadap kualiti hidup masyarakat di Malaysia. *Jurnal Kajian Sosial*, 14(4), 112-116. <https://journalarticle.ukm.my/16702/1/47725-154554-1-SM.pdf>
- William, J. (1987). *Structural poverty: A comparative study*. Academic Press.
- Zaleha Embong, Nik Yusri Musa, Noor Hisham Md Nawawi & Asma Lailee Mohd Noor. (2021). Kesan aktiviti ekonomi dan taraf sosioekonomi masyarakat kawasan rukun tetangga di Kelantan. *International Journal of Social Policy and Society (IJSPS)*, 17, 87-102. <https://ijsp.s.ism.gov.my/IJSPS/article/view/197>
- Zurina Ahmad Saidi, Hukil Sino & Norinsan Kamil Othman. (2018). Taraf pendidikan dan sosio-ekonomi penduduk di Kampung Sungai Budor, Kelantan Darul Naim. *e-BANGI*, 13(3), 222-233.